

→ GEMPA BUMI DI ACEH

Reaksi



Bencana kali ini memilih meruntuhkan masjid dan madrasah berbanding musibah lalu (tsunami) yang menyaksikan rumah Allah itu terselamat”

Syukurullah Ibrahim,
Khatib Masjid Jami' Quba Pangwa, Pidie Jaya



Tanah seperti melompat-lompat dan kami langsung tidak boleh berjalan dan terpaksa merangkak keluar dari rumah”

Andian Ahmad,
Penduduk

BH

17/12/16

mls 22-23





Penduduk sekitar Kampung Meunasah Lhok, Meureudu, di Pidie Jaya mendapatkan khidmat rawatan sukarelawan Biro Kebajikan UMNO, semalam.

Bencana peringatan akibat kelalaian



Ahmad Suhael Adnan

mnasaruddin@bh.com.my

← Wartawan

Mohd Yusni Ariffin

Jurugambar →

► Aceh, Indonesia



➔ Khatib Masjid Jami' Quba Pangwa ingatkan mangsa agar tidak terus leka, hanyut

"Allah menunjukkan bencana untuk kita menilai kejamnya kita kepada Allah. Kesalahan kita kerana membiarkan maksiat bertebaran."

Itu teguran keras, khatib Masjid Jami' Quba Pangwa, Pidie Jaya, di sini, semalam, sewaktu menyampaikan khutbah Jumaat kepada lebih 200 jemaah.

Syukurallah Ibrahim, 26, di dalam khutbahnya berkata, gempa bumi diturunkan Allah di kawasan itu pada 7 Disember lalu adalah peringatan kepada masyarakat Pidie Jaya serta umat Islam

seluruhnya yang mungkin selama ini lalai dalam ibadah serta membiarkan maksiat berleluasa.

Runtuhkan masjid, madrasah

"Bencana kali ini memilih meruntuhkan masjid dan madrasah berbanding musibah lalu (tsunami) yang menyaksikan rumah Allah itu terselamat.

"Ini adalah petanda daripada Allah. Bukakan hati kita, masih ada kesempatan untuk kita bertaubat," katanya.

Syukurallah kemudian mengimamkan solat Jumaat yang dilaksanakan di dalam khemah, dengan sebahagian besar jemaah berada di bawah terik matahari.

Ia berikutan masjid berusia hampir 42 tahun itu kini hanya tinggal kubah selepas musnah dalam gempa bumi bermagnitud 6.5 di Pidie Jaya.

Selesai solat, pandangan wartawan yang membuat liputan di situ kemudian tertumpu pada kelibat seorang wanita warga emas yang dilihat merenung ku-

bah masjid itu dengan penuh perasaan sayu.

Andian Ahmad, 65, berkata dia masih sukar menerima hakikat masjid itu kini hancur menyembah bumi, disamping rumahnya yang terletak bersebelahan masjid berkenaan yang turut musnah.

Merangkak keluar dari rumah

Berkongsi pengalaman, Andian berkata, sewaktu kejadian dia sedang mengambil wuduk, manakala suaminya, Abdullah Abdul Majid, 75, sedang bersiap untuk ke masjid bagi menunaikan solat Subuh.

"Tanah seperti melompat-lompat dan kami langsung tidak boleh berjalan dan terpaksa merangkak keluar dari rumah.

"Apabila keluar, kami hanya mampu duduk dan melihat rumah serta masjid runtuh perlahan-lahan," katanya yang mengakui ketika itu bimbang tsunami turut menyerang kawasan itu.



UNIT RUJUKAN
DITERIMA
17 DEC 2016
U.R.D
M.B.P.J.

→ GEMPA BUMI DI ACEH



Kerja membersihkan sisa runtuh giat dijalankan di Kampung Trienggadeng, Pidie Jaya.



Bantuan Biro Kebajikan UMNO legakan penduduk

Antara jemaah yang menunaikan solat Jumaat di Masjid Jami' Quba Pangwa yang musnah akibat gempa bumi di Pidie Jaya, Aceh.



Senyuman mula mengukir dan tiada lagi air mata. Itulah perubahan suasana di Kampung Meunasah Lhok, Meureudu, di Pidie Jaya, di sini, apabila sukarelawan Biro Kebajikan UMNO (BKUM) menjejakkan kaki ke kawasan itu petang kelmarin.

Puluhan orang kampung, termasuk kanak-kanak, mengerumuni 30 sukarelawan BKUM yang membuka klinik sementara di kawasan Masjid Agung Meureudu di kampung itu.

Di samping memberikan rawatan perubatan, sukarelawan BKUM turut memberi khidmat kaunseling, sekaligus memberi ruang kepada penduduk yang rata-rata masih trauma meluahkan kerisauan terhadap insiden gempa bumi yang menggagalkan Pidie Jaya pada 7 Disember lalu.


ada di kampung ini, doktor dan pembantu perubatan kami sudah memberikan rawatan kepada kira-kira 200 penduduk.

“Malah, ada yang mahu memanjangkan tempoh berada di sini dan mereka agak kecewa kerana kami terpaksa pulang Ahad ini (esok),” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ubat kedukaan penduduk

Sementara itu, suri rumah, Aisyah Abdullah, 70, berkata dia berterima kasih dengan kehadiran sukarelawan BKUM yang berjaya mengubat kedukaan penduduk kampung itu.

“Saya rasa senang sekali kerana ada orang Islam dari luar negeri sanggup membantu kami yang dilanda musibah di Aceh,” katanya sambil menahan sebak.



Sambutan luar biasa

Hilai tawa kanak-kanak juga kembali meriuhkan suasana kampung itu dengan pelbagai aktiviti dilakukan sukarelawan BKUM kepada penduduk kampung itu seolah tiada lagi kebimbangan dengan kemungkinan gempa susulan di kawasan berkenaan.

Ketua Sekretariat Misi BKUM, Mohd Shoubli Jamal, berkata beliau tidak menyangka kehadiran mereka ke Meureudu mendapat sambutan luar biasa. "Dalam tempoh dua hari kami ber-

Dalam perkembangan sama, tinjauan sepanjang perjalanan ke Meureudu di Pidie Jaya mendapati, proses membersihkan sisa runtuh infrastruktur yang musnah seperti masjid, madrasah dan rumah susulan gempa bermagnitud 6.5 itu, hampir selesai.

Lawatan kedua Presiden Indonesia ke Trienggadeng kelmarin juga mengesakan kerja pembersihan itu diselesaikan selewat-lewatnya hujung minggu ini bagi membolehkan kerja-kerja baik pulih dan pembinaan dimulakan semula.



MISI BANTUAN KEMANUSIAAN
GEMPA BUMI PD ACEH
BIRO KEBAJIKAN UMNO MALAYSIA



Sukarelawan Biro Kebajikan UMNO melakukan aktiviti bersama kanak-kanak mangsa gempa di Kampung Meunasah Lhok, Meureudu, di Pidie Jaya.